

## MAHATHIR-SAWIT

SLIM RIVER, 15 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA USAHA MENGURANGI KOS PENGELUARAN KELAPA SAWIT MERUPAKAN SATU-SATUNYA JALAN YANG ADA BAGI MENENTUKAN PASARAN YANG STABIL DAN MENGUNTUNGAN BAGI BAHAN ITU PADA MASA HADAPAN.

KATANYA, KOS PENGELUARAN KELAPA SAWIT BEGITU TINGGI SEHINGGA MENYEBABKAN KERUGIAN APABILA HARGANYA MEROSOT SEDANGKAN KOS PENGELUARAN DI NEGARA-NEGARA PENGEELUAR YANG LAIN RENDAH.

+SELAGI KITA TIDAK BERJAYA MENGURANGI KOS PENGELUARAN, SELAGI ITULAH KITA SENTIASA BERADA DALAM KERUGIAN WALAU SEJAUH MANA SEKALI PUN PASARAN BARU DITEROKA,+ TAMBAH BELIAU PADA PERHIMPUNAN PARA PENEROKA FELDA GUGUSAN TROLAK DI PADANG TROLAK UTARA DEKAT SINI HARI INI.

MENURUT PERDANA MENTERI, MALAYSIA KERUGIAN \$60 BAGI SETIAP TAN METRIK KELAPA SAWIT YANG DIKELUARKAN SEKARANG KERANA KOS PENGELUARANNYA \$480 BAGI SETIAP TAN BERBANDING DENGAN JUALAN \$420 SAHAJA.

MALAYSIA SEDANG Mencari dan meneroka pasaran baru di China, Asia Barat dan tempat-tempat lain, tetapi secara jangka panjang ia akan kerugian kerana para pembeli akhirnya akan beralih kepada negara-negara pengeluar yang menawarkan harga yang lebih rendah, tambahnya. -- LAGI.  
1521MST 15 03 86

U 8874 DEB

## MAHATHIR-SAWIT 2 SLIM RIVER

+KITA TIDAK DAPAT MELAWAN HAKIKAT ITU MELAINKAN KITA BERUSAHA MENGURANGI KOS PENGELUARAN. INI BERGANTUNG KEPADA PENGURUSAN, STRATEGI DAN PENINGKATAN KUALITI MINYAK SAWIT,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

MENURUT BELIAU LAGI ADA MINYAK MASAK LAIN YANG LEBIH MAHAL DARIPADA MINYAK SAWIT TETAPI IA MASIH MEMPUNYAI PERMINTAAN YANG TINGGI.

+ADA MINYAK MASAK LEBIH \$80 MAMAL DARIPADA MINYAK SAWIT, TETAPI MASIH DIKEHENDAKI OLEH PEMBELI. TETAPI KENAPA PERMINTAAN MINYAK SAWIT MEROSOT DAN HARGANYA MURAH SEDANGKAN IA SETANDING ATAU LEBIH BAIK DARIPADA MINYAK MASAK YANG LAIN?+ TANYA PERDANA MENTERI.

KATANYA, KERAJAAN JUGA MENYEDARI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENEROKA AKIBAT KEJATUHAN HARGA KOMODITI.

BELIAU MENASIHATI MEREKA TERBABIT SUPAYA TIDAK PUTUS ASA DALAM MENGHADAPI MASALAH INI, SEBALIKNYA MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN SUMBER PENDAPATAN KERANA BERBAGAI-BAGAI PELUANG LAIN MASIH TERBUKA LUAS. -- LAGI.

1525MST 15 03 86

## MAHATHIR-SAWIT 3 SLIM RIVER

+JANGANLAH JUGA KERANA KESUSAHAN INI KITA TERPENGARUH DENGAN HASUTAN KALANGAN TERTENTU SUPAYA MEMBENCI DAN MENENTANG KERAJAAN,+ TAMBAHNYA LAGI.

MEREKA, KATA PERDANA MENTERI, ADALAH KALANGAN POLITIK YANG MEMPERDAGANGKAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN DENGAN BEGITU MURAH BERNILAI +SATU UNDI SAHAJA+.

+MEREKA MEMPERALATKAN AGAMA UNTUK MENCAPAI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA, UNTUK MENANG DALAM PILIHAN RAYA. SEPATUTNYA PENEROKA JANGAN MEMBIARKAN MEREKA MEMASUKI KAMPUNG UNTUK MENIMBULKAN HURU-HARA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI SAMBIL DISAMBUT OLEH TERIAKAN +SOKONG, SOKONG+ OLEH ORANG RAMAI.

BELIAU JUGA MENGULANGI NASIHAT KEPADA MEREKA YANG DIBERHENTIKAN KERJA SUPAYA JANGAN TERPENGARUH SEHINGGA MENGADAKAN PIKET DAN TUNJUK PERASAAN KERANA TINDAKAN INI HANYA MENAKUTKAN MAJIKAN BARU MENGAMBIL MEREKA BEKERJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN MEMPUNYAI BANYAK RANCANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH INI, TETAPI TANPA SOKONGAN DAN PENYERTAAN POSITIF RAKYAT, USAHA INI SUKAR MENCAPAI MATALAMATNYA.

KIRA-KIRA 8,000 PENEROKA BERHIMPUN MENDENGAR NASIHAT PERDANA MENTERI SEBELUM BELIAU BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SETELAH MENAMATKAN LAWATAN RASMI TIGA HARI KE PERAK.

YANG TURUT SERTA PADA MAJLIS INI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN PARA PEGAWAI KANAN FELDA. -- BERNAMA.

1530MST 15 03 86